


## Gementar masuki Gaza berseorangan



MUHAMMAD Musab memeluk anak-kanak Palestin yang kematian bapanya seminggu sebelum gambar ini dirakamkan.

BAGI Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sarawak, Muhammad Musab Mizahar, perkara yang paling memusingkan sebaik menjejakkan kaki ke Kaberah ialah bagaimana untuk berjumpa 10 aktivis Aqsa Syarif yang terlebih awal telah berjaya melepasi sempadan Rafah.

Memandangkan terlewat sehari daripada 10 aktivis tersebut maka dia terpaksa memasuki Rafah berseorangan.

"Walaupun apa pun yang berlaku, saya mementi masuk ke Palestin. Saya menggalas masalah yang sangat besar. Saya satu-satunya mahasiswa dalam kalangan aktivis Aqsa Syarif ini. Saya dipilih kerana sedang memulakan inisiatif Malaysian Youth On Gaza Mission," katanya.

Ia merupakan program kerjasama 22 yang dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

Turut dibawa Muhammad Musab ke Palestin ialah 22 surat sokongan para yang dipertua dan presiden MPP untuk diberi kepada mahasiswa di Gaza.

Katanya, sebaik tiba di sempadan rakan dari Mesir yang mengiringinya, Muhammad Kamil Hebrwy memberitahu setakat itu sahaja dia boleh bersama Muhammad Musab.

Kata Muhammad Musab, berseorangan

memasuki Palestin adalah sesuatu yang di luar jangkannya.

"Ketika saya tiba di Imigrasi Rafah, Mesir, kelihatan barisan yang sangat panjang. Rakyat Palestin beratur dengan sabar bagi menunggu pasport mereka diperiksa. Saya turut beratur.

"Selepas sejam menunggu dan bertulis, bahu saya disentuh. Saya dilatangi seorang lelaki yang saya bualannya, bermisi dan mancung hidungnya. Gajarnya seperti pegawai di imigrasi tersebut. Dia meminta pasport saya. Katanya, dia diminta oleh Dr. Kamil Hebrwy membantu meluluskan pasport saya.

"Mata saya berisik, Alhamdulillah! Saya terus memeluknya. Dan dengan lembut dia bisikkan di telinga saya 'selamat datang ke penjara terbesar di dunia. Allaahu ya hu rik fih.'"

Dalam perjalanan, Muhammad Musab melihat papan tanda selamat datang ke Palestin dalam bahasa Inggeris.

Ketika itu, hatinya cukup seyu dan bertuah dengan izin Allah yang membolehkannya menjejakkan kaki ke 'penjara terbuka' yang terbesar di dunia itu.

Seterusnya bertemu dengan rakan misi yang lain di Khan Younis.

**MUHAMMAD MUS'AB - PELAJAR UNIMAS TERPILIH KE MISI KEMANUSIAAN GAZA**